

## Manfaat Halia dalam Kitab Perubatan Melayu Cerminan Kearifan Lokal

### *Benefits of Ginger that Reflect Local Wisdom in Malay Medicine Manuscript*

Azlini Anuar Tan

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong  
Malim, Perak, Malaysia

Tel: +6013-7422015 E-mel: azi00@yahoo.com

Husna Faredza Mohamed Redzwan (Pengarang Penghubung)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong  
Malim, Perak, Malaysia

Tel: +605-4506175 E-mel: husna.faredza@fbk.upsi.edu.my

#### Abstrak

Tumbuhan halia merupakan nutrisi dan kompaun bioaktif yang sangat berguna untuk kehidupan seharian kita. Ia bukan sahaja menjadi satu bahan asas dalam juadah masakan tetapi juga dikenali dengan pelbagai manfaatnya sebagai perubatan tradisi. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti manfaat dan khasiat halia yang mencerminkan kearifan lokal dalam perubatan yang disarankan mengikut tradisi Melayu dan agama dalam Kitab Perubatan Tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah*. Kajian ini memperkenalkan penemuan baharu yang diterokai dalam kitab perubatan tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* sebagai korpus kajian. Selain itu, kajian ini menunjukkan manfaat tumbuhan halia (*Zingiber Officinale Roscoe*) sebagai tumbuhan terpilih yang menumpukan kepada khasiat dari sudut kesihatan mengikut amalan dahulu kala sebagai bahan ubatan yang mempengaruhi unsur asas kepada tubuh badan manusia. Khasiat dan manfaat tumbuhan halia dalam kitab perubatan Melayu *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* terserlah mempengaruhi keadaan kesihatan dan bahan ramuan untuk penyembuhan penyakit. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Kajian ini mengaplikasikan

kaedah analisis kandungan berbantuan perisian #LancsBox 6.0, dan kaedah kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan tumbuhan herba halia digunakan untuk mengubati sepuluh jenis penyakit sekali gus mencerminkan kearifan lokal masyarakat terdahulu dalam amalan perubatan tradisional. Halia juga didapati berperanan dalam menyeimbangkan unsur *mizaj*, *akhlat* dan memberikan kesan yang baik dalam tubuh badan seseorang. Kajian ini penting agar khazanah perubatan Melayu Tradisional terus digali kerana manfaat tumbuhan halia mempunyai kesan yang hampir sama dengan ubat preskripsi perubatan moden serta bersifat komplementari. Selain itu, penghasilan produk farmaseutikal berasaskan halia dapat membantu menaikkan ekonomi Malaysia.

**Kata kunci:** Halia; LancsBox 6.0; Kearifan lokal; Manuskrip perubatan; Perubatan Melayu

#### Abstract

*The ginger plant contains a nutritional and bioactive compound that is extremely beneficial to our daily lives. It is well-known for its numerous health benefits as a traditional medicine in addition to being a staple ingredient in cooking. The objective*

*of this study is to identify the benefits and properties of ginger that reflect local wisdom in medicine as recommended by Malay tradition and religion in the Traditional Medicine Book Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah. Furthermore, this study demonstrates the benefits of the ginger plant (Zingiber Officinatum Roscoe) as a selected plant that focuses on nutrition from a health perspective in accordance with ancient practices as a medicinal substance that affects the basic elements of the human body. The properties and benefits of the ginger plant, as described in the Malay medical book Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah, have a significant impact on health conditions and disease-curing ingredients. The study employs a qualitative research design. This study applies content analysis methods using #LancsBox 6.0 software and library methods. The study's findings demonstrate that ginger herb plants are utilized to treat ten different kinds of illnesses, which reflects the traditional medical practices of earlier communities' use of their local knowledge. Additionally, ginger has been shown to have a positive effect on a person's body and to help balance akhlat and (mizaj) temperamental aspects. The benefits of the ginger plant are complementary to modern medical prescription drugs and have nearly the same effect, making this study crucial to the ongoing discovery of traditional Malay medicine's treasures. Furthermore, the manufacturing of pharmaceuticals with ginger as an ingredient can support Malaysia's economic growth.*

**Keywords:** *Ginger; LancsBox 6.0; Local intelligence; Medicine manuscript; Malay medicine*

## **Pengenalan**

Kitab perubatan tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* lebih dikenali sebagai kitab tib Melayu yang dikarang

oleh Shaykh Abbas Kuta Karang pada abad ke-19. Beliau bukan sahaja seorang ulama Melayu di Aceh tetapi juga mempunyai kepakaran dalam disiplin ilmu seperti astrologi, matematik, sejarah, puisi, dan ilmu perubatan (Norhasnira, 2022). Menurut Mardiah dan Arie (2018) legenda yang tersebar luas tersebut sangat diyakini memiliki nilai-nilai kearifan dan moraliti tersendiri yang tentunya dicerminkan oleh masyarakat sebagai cerita atau naratif yang berunsur sejarah penting dan dipercayai benar oleh pencerita dan pendengarnya. Manakala, pandangan daripada pengkaji Shah Rul (2022) menyatakan bahawa kehadiran agama Islam membawa sinar baharu dalam tamadun Melayu. Sebuah tamadun yang dibentuk daripada hubungan antara agama dan kerajaan menerusi kepercayaan dan ketaatan oleh sekelompok orang Melayu yang membawa kepada perubahan dalam aspek kehidupan. Kaitan kenyataan ini menunjukkan faktor kecemerlangan kearifan pada zaman selepas kemunculan Islam dan ulama Shaykh Abbas Kuta Karang adalah tokoh ilmunan dan karya ilmiah beliau memberi impak yang besar terhadap amalan-amalan kesihatan, rawatan dan penjagaan gaya hidup masyarakat di Nusantara. Menurut Muhammad Fawwaz (2023) apabila seorang sarjana dari tempat tersebut menyumbang kepada ilmu pengetahuan, hasil kerja sumbangan keilmuan tokoh ulama, iaitu Shaykh Abbas Kuta Karang yang memainkan peranan penting dalam proses Islamisasi di Nusantara, semangat nasionalisme dan intelektualisme beliau dirakam menerusi kamus biografi sejarah tempat, kota, negeri, atau rantau tersebut.

Kitab perubatan tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* ini telah ditransliterasikan dalam bahasa Melayu oleh Mohd Affendi Mohd Shafri dan Hermansyah Muhammand Yahya (2017). Menurut Rahimah et al. (2020) pada zaman dahulu manuskrip, naskhah, teks dan

dokumen ditulis dengan tulisan tangan. Dalam kitab perubatan *Melayu Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* yang asalnya dalam tulisan tangan menyatakan pelbagai kegunaan tumbuhan herba ubatan seperti halia sebagai bahan ramuan ubatan untuk perawatan, pencegahan, pembasmian, penyembuhan dan penjagaan diri dalam kesihatan tubuh badan. Khasiat dan manfaat tumbuhan halia dalam kitab perubatan *Melayu Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* terserlah sebagai bahan ubatan yang mempengaruhi unsur asas kepada tubuh badan manusia, mempengaruhi keadaan kesihatan dan bahan ramuan untuk penyembuhan penyakit. Kelebihan halia dari sudut perubatan tradisional Melayu banyak memberi manfaat dalam penjagaan kesihatan. Hal ini demikian kerana halia mengandungi bahan aktif yang mempunyai peranan penting terhadap khasiat tumbuhan ini dalam kesihatan tubuh badan. Tumbuhan halia dikatakan mempunyai nilai perubatan yang diwarisi turun temurun secara tradisi lisan dan dijadikan amalan sebagai ramuan dalam penyediaan ubat herba tradisional. Menurut Mardiah et al. (2020) cerita yang disampaikan daripada seseorang kepada seseorang lain adalah suatu cara penyampaian pengetahuan. Cerita tersebut tersebar dan kemudiannya menjadi suatu kepercayaan dalam masyarakat. Menurut Rayyan (2014) tumbuhan yang berfungsi sebagai *apotik* di muka bumi berpotensi besar dalam penghasilan penawar penyakit yang dihadapi oleh manusia.

Pelbagai bangsa dan masyarakat setempat telah lama menggunakan tumbuhan halia sebagai penyembuh penyakit. Bagaimanapun setiap bangsa mempunyai kaedah tersendiri dalam penggunaan tumbuhan halia dalam proses merawat penyakit. Menurut pandangan Mohd Affendi dan Hermansyah (2017) dan Naseer (2020) *zanjabil* adalah istilah dan panggilan masyarakat dalam bahasa Arab

yang bermaksud halia, tumbuhan halia ini mempunyai sifat hangat dan kering, iaitu sifat hangat pada darjah yang ketiga manakala sifat kering pada darjah yang pertama. Manakala Mohd Hilmi (2014) menyatakan halia bersifat panas pada akhir tahap yang ketiga dan kering pada tahap yang kedua.

Sehubungan itu, halia juga berperanan sebagai ramuan dalam pelbagai juadah hidangan, sebagai rempah perasa dalam masakan, minuman dan perubatan tradisional. Pengambilan halia dalam makanan juga, biasanya digunakan dalam pelbagai bentuk sama ada halia digunakan secara segar, dijeruk, dijadikan serbuk atau diawet. Selain itu, halia juga disediakan dan diambil sebagai suplemen dalam bentuk majun, kapsul, tablet, teh atau ekstrak berair. Perubatan tradisional telah lama menggunakan halia dalam pelbagai bentuk penyediaannya dan proses-proses yang terlibat seperti pengambilan air halia yang dikenali sebagai air rebusan sebagai minuman amat sinonim dengan masyarakat setempat yang mengetahui khasiat tertentu yang boleh mendatangkan kebaikan kepada kesihatan badan. Selain itu, tumbuhan halia senang didapati di sekitar rumah dan mudah disediakan sendiri di rumah sahaja.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti kepentingan tumbuhan herba terpilih, iaitu halia (*Zingiber Officinale Roscoe*) yang berkaitan dengan penyakit *balgham* yang bersifat sejuk basah dalam kitab perubatan tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah*. Penghasilan *akhlat* dipengaruhi oleh ciri-ciri *tabi'ah* dan *mizaj* pada tubuh badan manusia. Setiap makanan yang diproses akan menghasilkan jenis *akhlat* (lendir) yang berbeza dan menyalurkan khasiat-khasiat dan zat-zat yang diperlukan oleh tubuh badan. Menurut Nornizam (2019) *akhlat* adalah sejenis lendir atau jisim yang basah yang membentuk cecair. Naseer (2012)

menyatakan bahawa cecair *akhlat* mempunyai empat jenis, iaitu *balgham*, *dam*, *safra* dan *sawda*. Istilah bagi cecair *akhlat balgham* adalah bermaksud cecair badan yang dikenali sebagai kahak, dahak, lendiran, bendalir atau rembesan tubuh. Cecair *akhlat balgham* ini mewakili unsur air dan bersifat sejuk dan basah.

Dalam kitab ini, tumbuhan halia telah digunakan dan diamalkan dalam perubatan tradisional Melayu bagi menghilangkan angin beku, menghilangkan cecair *balgham*, batuk, mengeluarkan angin badan, menghilangkan bau mulut dan suara, menghancurkan angin, menghilangkan cecair basah, menyembuhkan urat bengkak, melancarkan pencernaan makanan dan menghilangkan bawasir (buasir) yang mengalir dan membekukan darah (Mohd Affendi & Hermansyah Muhammad, 2017). Halia ini mempunyai *mizaj* hangat kering yang mampu mengimbangkan *tabi'ah* badan yang mempunyai ciri-ciri sejuk basah. Dengan keseimbangan ini penyakit-penyakit yang mempunyai fitur sejuk basah dapat diseimbangkan dalam sistem tubuh badan pesakit dan sekali gus halia memberi banyak kebaikan dari sudut penyembuhan dan penjagaan kesihatan tubuh badan.

Walaupun telah terdapat banyak kajian yang perlu dilakukan untuk lebih memahami dan membuktikan keberkesanan tumbuhan halia ini dalam kesihatan, namun begitu, kajian empirikal terhadap tumbuhan halia sangat diperlukan. Kajian ini juga ingin memperkembangkan ilmu kearifan masyarakat setempat dalam aspek kebaikan, manfaat dan khasiat tumbuhan halia untuk kesihatan. Ini kerana tumbuhan halia ini amat berpotensi sebagai ubatan yang mana telah dibuktikan oleh kajian saintifik. Melalui perubatan moden, menurut Faszly et al. (2015) halia merupakan sumber yang sangat baik bagi kalium, magnesium, tembaga, mangan, dan

vitamin B6. Selain itu, halia juga bersifat karminatif, bahan perangsang dan pembasmian kuman. Pandangan ini sokong oleh Suri (2019), iaitu halia telah mendapat status GRASS atau “umumnya diperlakukan sebagai selamat” oleh Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA).

Justeru, tujuan kajian ini untuk mengenal pasti manfaat dan khasiat halia yang mencerminkan kearifan lokal dalam perubatan yang disarankan mengikut tradisi Melayu dan agama dalam Kitab Perubatan Tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah*. Sehubungan itu juga, penyelidikan ini sedikit sebanyak akan dapat menyumbang kepada pengayaan ilmu berkaitan tumbuhan halia serta pelbagai nilai perubatan yang tinggi terutamanya kepada masyarakat kita hari ini.

Hasan et al. (2020) menyatakan kitab Perubatan Tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* yang dikarang oleh Shaykh Abbas Kuta Karang pada tahun 1853 mengandungi amalan mengekalkan kesihatan, pemakanan sihat, panduan penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit malah, kitab ini juga menjadi panduan pengamal perubatan Melayu sehingga ke hari ini. Menurut Norhasnira (2022) bab dua dalam kitab Perubatan Tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* membincangkan pengambilan halia diformulasikan secara tradisional untuk dijadikan ubat. Muhamad Hafiz (2019) pula menyatakan bahawa kitab ini menceritakan tentang jenis-jenis makanan yang diklasifikasikan *tabiahnya* dan menerangkan kegunaannya serta nilai nutrisi atau nilai ubat sebagai bahan rawatan, pencegahan dan penyembuhan penyakit.

Tumbuhan halia digunakan secara efektif kerana keberkesanan, kesesuaian dan khasiat yang mujarab telah diakui oleh

masyarakat setempat, yaitu tumbuhan halia merupakan bahan aktif yang digunakan sebagai bahan ramuan dalam merawat, mencegah, membasmi dan menyembuhkan penyakit. Berdasarkan kajian oleh Rayyan (2014) halia mudah membiak dengan cara pecahan rizom dan mudah tumbuh dengan subur di kawasan tanah yang mempunyai kelembapan yang tinggi dan mendapat sinar matahari yang mencukupi.

Tumbuhan ini mempunyai batang yang tegak dengan rizom yang tersebar secara mendatar. Besar atau kecil halia ditentukan oleh variasi spesiesnya. Menurut Faszly et al. (2015) halia merupakan pokok herba yang boleh mencapai ketinggian sehingga 1.25 m tinggi, setiap satu dahan mempunyai lapan hingga 12 daun. Lamina daun memanjang berbentuk tirus seperti tombak dengan kepanjangan sehingga 30 cm dan 2-3 cm lebar, warna hijau muda hingga hijau tua. Rita et al. (2018) menyatakan daunnya berwarna hijau tua dan berbentuk runcing. Halia juga boleh ditanam pada berbagai-bagai jenis tanah.

Halia adalah tumbuhan yang mempunyai identiti dan sifat semula jadi tumbuhan herba sebagai ubat atau penawar penyakit. Menurut Kai Larsen et al. (1999) sekurang-kurangnya 20 atau lebih spesies-spesies famili halia telah ditanam di Semenanjung Malaysia dan Singapura untuk digunakan sebagai perasa, rempah, pewarna, ulam, ubat-ubatan dan hiasan. Kenyataan ini disokong oleh Faszly et al. (2015) yang menyatakan kegunaan halia menjadi bahan dalam resipi masakan bagi negara di dunia seperti Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, China, India, Nepal, Peru, Filipina dan pelbagai negara sama ada di Asia dan Eropah.

Bahagian rizom halia digunakan sebagai bahan perasa, rempah dalam masakan dan ubatan. Selain itu, bahagian rizom halia ini terdiri daripada siri-siri cabang yang

terpisah antara satu sama lain di mana di bahagian pangkalnya terdapat tunas-tunas yang akan berkembang. Dalam kajian Larsen et al. (1999) genus *Zingiber* merupakan spesies yang mempunyai saiz yang sederhana besar, mempunyai rizom yang bercambah dan bercabang. Di Malaysia, spesies *Z. officinale* lebih dikenali sebagai halia dan mempunyai dua jenis spesies halia, iaitu *halia bara* dan *halia padi*. Menurut Ida Theilade (1996) *Zingiber officinale* var. *Offinale* ialah halia bersinonim dengan *Amomum zingiber* Linn, *Curcuma longifolio* WALL. Selain itu, melalui hasil kajian Larsen et al. (1999) juga mendapati bentuk segi saiz rizom *halia bara* dan *halia padi* berbeza dengan saiz ukuran halia biasa. Bentuk rizom *halia bara* dan *halia padi* lebih kecil dan kedua-dua spesies ini berwarna merah serta mempunyai aroma bau yang lebih kuat.

Tumbuhan halia dalam kajian ini merupakan remedi yang berkaitan dengan cecair *balgham*, iaitu cecair yang memberi ketidakseimbangan di dalam tubuh badan. Dalam perubatan tradisional, rizom halia digunakan untuk merawat pelbagai penyakit yang berkaitan dengan ketidakseimbangan *akhlut*, iaitu cecair *balgham* seperti kahak, dahak, lendir atau bendalir. Menurut Ida (1996) dan Richard (1950) halia dikenali dalam genus sebagai *Zingiber* dan *Zingiber* adalah satu genus yang terbesar, iaitu terdapat kira-kira 100 spesies dan tersebar ke seluruh kawasan Asia tropika dengan pusat kepelbagaian di Asia Tenggara, Malaysia, Queensland dan Jepun.

Menurut Mohd Affendi dan Hermansyah Muhammad (2022) *Zanjabil*, iaitu halia mempunyai sifat hangat pada darjah yang ketiga, kering pada darjah yang pertama, yang berupaya membukakan segala simpul perut dengan menghilangkan *balgham*, menghilangkan segala lendir yang jahat di dalam perut, mengeluarkan angin dan

menghilangkan sejuk di bahagian perut. Dalam kajian Mohd Hilmi (2014) Dioscorides menyatakan halia terdedah kepada proses pereputan disebabkan rizom halia mengandungi lebih air yang bersifat basah. Selanjutnya, halia bersifat panas pada akhir tahap ketiga dan kering pada tahap yang kedua. Seterusnya, perlakuan dan ciri khusus halia adalah kepanasan halia kuat, tetapi tidak berlaku dalam tempoh yang cepat kerana adanya lebih sifat basah. Justeru, berdasarkan beberapa faktor keuzuran yang disebabkan oleh ketidakseimbangan cecair badan, iaitu cecair *balgham* yang mempunyai sifat sejuk basah dapat diseimbangkan dengan halia yang bersifat panas. Berpunca daripada keuzuran tersebut, masyarakat setempat telah cuba mencari kaedah penyembuhan, iaitu dari tumbuhan halia sebagai bahan penawar penyakit dengan merujuk ilmu kepakaran dari pengamal perubatan tradisional.

Manakala, Muhamad (2023) menyatakan terdapat kira-kira 100 spesies halia. Jumlah ini hampir separuh daripada jumlah spesies yang terdapat di Malaysia seperti *tepus* dan *kantan hutan*. Perkara lain yang menarik tentang halia (*Zingiber Officinale Roscoe*) adalah halia merupakan sejenis tanaman purba. Asal usul tanaman halia tidak dapat dipastikan. Namun begitu ada yang menyatakan tanaman halia berasal dari dataran Asia Tropika, yang merangkumi India hingga ke China. Dipercayai bahawa masyarakat India dan China adalah yang mula-mula menggunakan halia. Terdapat juga kenyataan yang menyatakan halia berasal dari Amerika Selatan (Fatimah & Yunos, 2019).

Dalam kajian Rita Nursuhaila et al. (2018), menyatakan halia atau nama saintifiknya *Zingiber Officinale Roscoe* tergolong dalam keluarga *Zingiberaceae*. Di Malaysia, terdapat dua jenis halia, iaitu *halia bara* dan *halia padi*. Perkataan

*zingiber* adalah berasal daripada perkataan Arab, iaitu “*zanjabil*” dan perkataan Sanskrit “*singabera*” yang bermaksud “*akar bertanduk*” (Larsen et al., 1999). Menurut pandangan Faszly et al. (2015) kemungkinan perkataan tersebut berasal daripada bahasa Sanskrit, *singabera* (horn-root atau bull’s horn). Perkataan ini membawa kepada asal perkataan dalam bahasa Greek, *zingiberi*. Perkataan *Zingiber* bermaksud “*berbentuk tanduk*” kerana morfologi rizomnya yang seperti tanduk.

Menurut Hilmi (2021) halia biasa dalam bahasa Inggeris bermaksud *common ginger*. Selain itu, Habsah et al. (2000) dan Rita Nursuhaila et al. (2018) menyebut bahawa perkataan *officinale* diambil daripada perkataan Latin yang bermaksud “*work shop*” yang mana masyarakat Latin menggunakan perkataan tersebut bagi memaksudkan farmasi yang mana nilai perubatan yang ada pada halia sangat tinggi. Berdasarkan penemuan dalam kajian Werner (2002), halia mempunyai beberapa variasi, iaitu halia dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *ginger* dan nama saintifiknya adalah *zingiber officinale*. Selain itu, terdapat nama-nama lain seperti *halia bara*, *halia hudang*, *halia padi*, *temu arang* (*wild ginger*) dengan nama saintifiknya *Curcuma Aerugirosa*, halia berhantu (*ghost atau wild ginger*) dikenali juga sebagai halia rimba (*virgin forest ginger*) dengan nama saintifiknya *Globba panicoides*.

Kajian ini juga memperkenalkan jenis bentuk halia, panggilan tempatan dan spesies halia ditemui di Malaysia. Terdapat dua jenis halia yang menjadi kebiasaan penggunaan dalam masyarakat tempatan, iaitu *halia biasa* (*halia hidup*) dan *halia bara*. Halia hidup ini mempunyai rizom yang kekuningan dan mempunyai sifat rasa hangat pedas. Selain itu, halia hidup ini mempunyai khasiat bukan sahaja pada

penggunaan dalam juadah masakan malah sebagai jus minuman dan perubatan. Dalam surah Al-Insan (ayat 17), firman Allah S.W.T yang bermaksud “*Dan mereka dalam syurga itu, diberikan minum sejenis minuman yang campurannya daripada ‘Zanjabil’*”. Menurut Rita Nursuhaila et al. (2018) menyatakan pokok halia adalah spesies herba yang berbau harum dan mempunyai rizom yang berwarna kuning pucat dan mempunyai aroma yang kuat. Dalam kajian Faszly (2015) rasa halia boleh dikatakan mempunyai rasa pedas, tajam dan sedikit panas.

Manakala, *halia bara* juga dikenali dengan panggilan tempatan sebagai *halia merah*, panggilan ini menerangkan bentuk rizomnya yang berwarna merah kemerahan. Selanjutnya, saiznya lebih kecil daripada *halia hidup* dan baunya lebih kuat berbanding *halia hidup*. Bagi masyarakat lokal di Nusantara, selain dijadikan produk makanan kesihatan, *halia bara* yang digunakan adalah daripada jenis rizom yang tua kerana sifatnya yang menghangatkan untuk kegunaan dalam perawatan dan perubatan. Dalam kajian Richard (1950) nama genus *halia bara* ialah *Z.officinale Yar Rubrum* (Ida Theilade, 1996) dan nama tempatannya ialah *halia bara*. Kebiasaannya panggilan *halia merah* hanya dikenali oleh masyarakat luar bandar sahaja. Dengan kata lain, istilah *halia bara* juga dikenali sebagai *bara*, iaitu bermaksud arang batu yang panas. Selain itu, menurut Faszly et al. (2015) panggilan lainnya ialah *halia udang* kerana bentuknya seperti udang. Keseluruhan bentuk *halia bara* menyerupai bentuk *halia biasa (halia hidup)* namun, perbezaannya hanya dapat dilihat melalui saiz pokok dan rizom yang mempunyai saiz kecil dan memiliki daun yang lebih runcing.

Berdasarkan penemuan lain, menurut Ida (1996) *halia padi* dengan nama genusnya *Z. officinale var. Rubrum* dan ia juga dikenali

dengan nama tempatan sebagai *halia padi*. Rizom *halia padi* ini mempunyai bentuk dan saiz yang lebih kecil daripada *halia biasa* dan *halia bara*. Pada bahagian rizom ada sedikit warna merah pada pangkal tunas pucuk atau di bahagian petiol. *Halia padi* ini juga dikatakan sinonim dengan *halia bara* kerana ketinggian pokok dan pangkal batangnya berwarna merah. Menurut Burkill (1966) *halia padi* tergolong dalam *Zingiber minus*, kerana saiz pokoknya yang renek berbanding dengan satu spesies *Zingiber majus*, di mana saiz pokoknya lebih besar daripada *Zingiber officinale var. officinale*. Valetton (1926) menyatakan istilah *halia padi* juga dikenali sebagai *halia sunti* dalam masyarakat Jawa, kerana bentuk dan saiz rizomnya berbeza dengan *halia biasa* dan *staminode* berbentuk oval.

Dalam buku *Perubatan Ibnu Sina* oleh Hilmi (2014) Pedanius Dioscorides dikenali sebagai bapa farmakognosi pada abad ke 40-90 Masihi. Beliau ialah seorang pakar perubatan Yunani, ahli farmakognosi dan penulis *De Botanista Materia*. Menurut Dioscorides dalam Hilmi (2014) terdapat spesies *halia* yang dikenali sebagai *halia anjing*. Spesies ini hidup terapung di dalam anak sungai, mata air yang kecil dan kawasan aliran air yang perlahan. Antara perkara lain yang menarik tentang *halia* ialah *halia* atau *zanjabil* dalam bahasa Arab ada digambarkan oleh Ibnu Abi al-Dunya dalam kitab *Shifah al-Jannah*, ertinya: Diriwatikan daripada Bakr bin Abdullah al-Muzani, beliau berkata, “Sesungguhnya seorang hamba teringin memakan daging di dalam syurga. Maka, datanglah seekor burung dan bertenggek di hadapannya seraya berkata, “Wahai waliyullah, aku telah memakan makanan daripada *halia*, meminum minuman daripada *salsabil* dan bermain-main di antara ‘Arasy dengan al-Kursi. Maka, makanlah aku (dagingku) (Faszly et al. 2015).

Justeru, *halia* adalah sejenis bahan yang

biasa ditemui dalam ramuan perubatan tradisional di seluruh dunia. Keberkesanan tumbuhan halia ini dalam kesihatan tidak dapat dinafikan kerana kegunaan tumbuhan halia ini biasa ditemui sebagai “*home remedy*”, sebagai rempah masakan, jus minuman dan dengan pengambilan tumbuhan halia dapat membantu mengurangkan risiko penyakit, menyingkirkan kuman dan dapat mencegah gejala awal demam, selesema atau batuk. Kebaikan tumbuhan halia ini dalam penyembuhan dan pencegahan penyakit dapat meyakinkan masyarakat berbilang kaum untuk kegunaan harian. Jelasnya, dalam kajian ini, penerokaan khasiat tumbuhan ubatan berasaskan halia dalam manuskrip nadir, iaitu kitab perubatan tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* wajar diteruskan dan diterokai. Hal ini demikian supaya khazanah warisan budaya Melayu dalam aspek perubatan tradisional Melayu terus terpelihara dan dapat dilestarikan dari generasi ke generasi.

Oleh itu, perubatan tradisional dalam penggunaan tumbuh-tumbuhan atau herba daripada rempah ratus secara umumnya adalah alternatif kepada perubatan moden yang telah terbukti keberkesanannya kerana tidak mengandungi bahan kimia yang boleh memudaratkan pesakit. Jelaslah bahawa perubatan moden hanya bersifat sementara untuk melegakan rasa sakit, tetapi perubatan tradisional terhasil daripada bahan-bahan asli memberi keserasian pada tubuh badan dengan menyerap khasiat ke saluran bahagian organ badan serta bertindak aktif dengan berkesan ke atas punca penyakit. Selain itu, dengan kos perubatan yang rendah dan kemudahan dari segi bahan-bahan ramuan mudah didapati hanya persekitaran rumah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tempatan. Pengetahuan tradisional adalah kearifan masyarakat yang mempunyai kebijaksanaan dalam bidang kemahiran, disiplin ilmu, amalan dan inovasi yang

dibangunkan, dikekalkan sebagai identiti budaya dan diwarisi dari generasi ke generasi dalam sesebuah komuniti masyarakat atau kaum.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Pertama, kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis kitab perubatan tradisional *Al-Rahmah fi-al-Tibb wa al-Hikmah* sebagai korpus kajian bagi mendapatkan perincian data halia dalam kegunaannya sebagai bahan ramuan ubatan. Selain itu, melalui penerokaan kitab tib ini juga dapat menonjolkan khasiat tumbuhan halia yang menjadi tradisi dan petua yang diamalkan dalam pelbagai bentuk penyembuhan penyakit yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Kitab Perubatan Melayu *Al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah* yang menjadi korpus kajian ini mengandungi ilmu perubatan yang bersifat Islamik dan saintifik (Mohd Affendi Mohd Shafri & Hermansyah Muhammand Yahya, 2017; Hasan et al. 2020) yang dikarang oleh Shaykh Abbas Kuta Karang, seorang ulama yang berasal dari Aceh (November 1895).

Kitab tib ini dibahagikan kepada lima bab. Bab ini terbahagi lagi kepada tujuh fasal. Bab pertama bertajuk ‘ilmu *Tabi’ah*’. Bab yang kedua membahaskan bahan-bahan makanan dan ubatan dalam sebelas fasal. Bab yang ketiga kemudiannya membahaskan sepuluh faktor yang boleh mempengaruhi keadaan kesihatan seseorang dan tatacara menguruskan faktor-faktor ini. Dalam bab yang keempat, ubatan untuk beberapa penyakit terpilih diperincikan manakala ubatan untuk penyakit-penyakit am dimuatkan dalam bab yang kelima.


Kajian ini turut menggunakan kaedah kepustakaan bagi menganalisis dan mendapatkan data berkaitan tumbuhan



halia dalam membangunkan glosari halia. Kajian lepas yang berkaitan dengan halia secara saintifik dan tidak saintifik dimanfaatkan sebagai maklumat tambahan dalam kajian. Kajian manuskrip ini tertumpu pada perincian maklumat leksikal tumbuhan halia yang digunakan dalam perubatan Melayu dengan memuatkan indeks nama saintifik, famili, genus dan istilah sebutan atau panggilan dari pelbagai tempat. Dengan adanya data-data yang terperinci ini memudahkan pengenalpastian sesuatu spesies tumbuhan ubatan secara tepat. Maklumat ini dapat memberi satu bentuk dokumentasi dalam usaha mengenali tumbuhan halia dengan pelbagai nama mengikut lokasi, penduduk atau kumpulan etnik yang jarang dipakai oleh generasi sekarang. Justeru, kajian ini menjadikan koleksi tumbuhan halia sebagai bahan rujukan dalam pelbagai bidang penyelidikan.

*LancsBox* 6.0 merupakan perisian statistik linguistik korpus yang dibangunkan oleh (Brezina, 2018) di Universiti Lancaster, United Kingdom England. *LancsBox* 6.0

adalah pakej perisian generasi baru untuk memvisualisasikan data statistik linguistik korpus. Perisian *LancsBox* 6.0 ini dibangunkan bertujuan untuk menganalisis data teks secara terperinci dengan piawaian statistik korpus yang ditetapkan. Proses muat naik bahan nadir yang telah disaring dan dimuat naik untuk dianalisis berbantuan perisian *LancsBox* 6.0. Menerusi penjana perisian *LancsBox* 6.0 dalam aplikasi sistem *Window*, perisian ini berfungsi di bawah *Corpora* dalam fail yang berbeza (.txt, xml, doc, .docx, .pdf, .odt, .xls, .zip). *LancsBox* 6.0 yang dipilih untuk kajian ini adalah korpus yang boleh meningkatkan kepelbagaian sumber korpus yang tersedia untuk penggunaan bahasa. Selain itu, ia mempunyai pelbagai ciri yang boleh menyokong pelbagai bentuk analisis korpus. Terdapat tujuh tettingkap dalam perisian ini, iaitu bermula dengan *Corpora*, *KWIC*, *GraphColl*, *Whelk*, *Words*, *Ngrams*, *Text* dan *Wizard*. Dalam kajian ini *KWIC* diaplikasikan. Berikut adalah Rajah 1 menunjukkan paparan #*LancsBox* 6.0.



Rajah 1: Paparan #*LancsBox* 6.0.

Seterusnya, perisian #LancsBox 6.0 digunakan untuk memperlihatkan frekuensi dan pola-pola leksikal yang hadir dan mengenal pasti kolokasi leksikal halia dalam kitab tib yang dikaji. Berdasarkan kolokasi ini, maklumat tentang leksikal tumbuhan halia yang dikumpulkan bagi menunjukkan konteks penggunaan halia dalam masyarakat terdahulu. Menurut Muhammad Luqman et al. (2023) aspek kesepadanan memerlukan keprihatinan penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang menepati makna kontekstual menerusi diksi/leksikal yang sesuai dan menggunakan terminologi selaras dengan budaya masyarakat Melayu.

### Dapatan dan Perbincangan

Kearifan lokal masyarakat terdahulu melibatkan usaha preservasi dan pembudayaan semula dalam kalangan masyarakat moden dan rahsia kehidupan turun temurun (Rahimah et al., 2020). Jelasnya, khazanah yang terkandung dalam manuskrip Kitab Perubatan Melayu *Al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah* menyimpan banyak khazanah serta kearifan masyarakat Melayu khususnya dalam perubatan tradisional. Antaranya khazanah perubatan tradisional Melayu yang berasaskan tumbuhan herba ubatan, iaitu

halia yang menjadi fokus kajian ini. Kearifan tempatan ini ditunjukkan menerusi inventori pemetaan herba halia, penyakit dan keseimbangan cecair *akhlāt*; glosari leksikal halia; dan leksikal halia melalui paparan KWIC.

### *Inventori Pemetaan Herba Halia, Penyakit dan Ketidakseimbangan Akhlāt*

Dapatan kajian daripada sumber pertama adalah fungsi kitab tib yang merakamkan akal budi yang diwarisi oleh masyarakat Melayu sebagai satu bahan komunikasi yang menghubungkan masyarakat moden dengan zaman dahulu. Hasil penemuan dicatat sebagai bahan intelektual bagi membentuk peradaban manusia dan menerapkan unsur-unsur kebijaksanaan seimbang dari segi rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi (Muhd Norizam & Zubir, 2019). Keintelektualan atau kearifan lokal masyarakat Melayu terdahulu dapat diserlahkan menerusi fitur-fitur yang dimiliki oleh tumbuhan halia dalam memanfaatkannya melalui pengubatan penyakit disebabkan ketidakseimbangan *akhlāt*. Jadual 1 menunjukkan inventori tumbuhan halia yang menjalankan fungsinya sebagai bahan ubatan tradisional yang boleh dimanfaatkan dalam mengubati penyakit dan ketidakseimbangan *akhlāt*.

Jadual 1. Inventori pemetaan herba halia, penyakit dan ketidakseimbangan cecair *akhlāt*

| Herba | Penyakit  | Ketidakseimbangan <i>Akhlāt</i>   |
|-------|---|---|
| Halia | bertambah <i>khilt balgham</i> dalam <i>buluh paru-paru</i> | hotak (otak) dengan huwap (peluh atau wap) sejuk, maka jadi kelembutan pada tubuh dan lemah pada segala otot-otot, dan jadi keberatan pada segala pancaindera   |
|       | <i>balgham</i> (kahak atau lendir) dan batuk                | angin yang beku-beku yang terbuni (tersembunyi) dalam rongga tubuh, <i>balgham</i> (kahak atau lendir)  |
|       | angin dan <i>rutubah</i> (cecair basah)                     | angin, <i>rutubah</i> (cecair basah) yang jahat-jahat, dan yang bengkok urat-urat dalam badan   |
|       | <i>balgham</i> dan <i>rutubah</i> (cecair basah)            | <i>balgham</i> (kahak atau lendir) dan <i>rutubah</i> (cecair basah) yang jahat-jahat dalam badan, dan angin yang beku <i>bangkeut-bangkeut</i> (tersangkut-sangkut atau bengkok) dalam rongga-rongga |
|       | muntah  | dimuntah pada tiap-tiap tujuh hari sekali atau dalam tiap-tiap sebulan dua kali   |

| Herba | Penyakit   | Ketidakseimbangan <i>Akhlāt</i>   |
|-------|--|---|
|       | <i>bahtu al-sawti</i> ertinya <i>parau suara</i>   | bertambah-tambah <i>khilt balgham</i> (kahak atau lendir) dalam <i>qasbah al-riyyah</i> ertinya <i>buluh paru-paru</i>  |
|       | <i>al-su'al al-rahīb</i> ertinya batuk yang basah, iaitu batuk yang ada keluar sertanya <i>balgham</i> (kahak atau lendir)               | bertambah-tambah <i>khilt balgham</i> (kahak atau lendir) yang tertahan pada dada dan paru-paru   |
|       | <i>al-qaulanj</i> iaitu penyakit angin kering yang beku menegah ia akan <i>huwap</i> (peluh atau wap) lalu dalam rongga-rongga dan perut | <i>dilungkup</i> (tertiarap) dirinya oleh insan tatkala berbangkit penyakit itu, dan menegah ia akan kena matahari hingga seolah-olahan keluar baunya. dan adalah penyakit <i>qaulanj</i> dua bagai satu bagai daripadanya hangat sangat dan satu bagai sejuk. maka 'alamatnya yang hangat itu berbangkit penyakit itu tatkala bertemu dengan sangat hangat, dan tatkala bertemu dengan angin hangat, dan tatkala berbangkit daripada tidur |
|       | <i>ghashyan</i> iaitu tiada rindu kepada makanan   | bermula asalnya sebab tertahan dan berhimpun <i>khilt balgham</i> (kahak atau lendir) dalam ma'idah (perut)   |
|       | bawasir (buasir)   | hilanglah bawasir (buasir) yang ngalir dan yang beku  |

Jadual 1 menunjukkan bahawa tumbuhan herba halia menjadi bahan ubatan untuk merawat pelbagai penyakit dan berupaya mengatasi masalah ketidakseimbangan *akhlāt* dalam tubuh badan pesakit. Identiti penggunaan halia dalam rawatan penyakit dan ciri-ciri ketidakseimbangan *akhlāt*, iaitu cecair dalam organ badan yang menjejaskan kesihatan keseimbangan badan seseorang dikenal pasti. Inteligensia masyarakat Melayu terserlah menerusi kemujaraban tumbuhan herba terpilih, iaitu halia (*Zingiber Officinale Roscoe*) dalam mengubati penyakit seperti mana terkandung dalam kitab perubatan Melayu *Al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah*.

Kajian ini menunjukkan kegunaan halia sebagai bahan utama dalam rawatan yang dapat menyembuhkan sepuluh jenis penyakit (Jadual 1) seperti bertambah *khilt balgham* dalam buluh paru-paru; *balgham* dan batuk; angin dan *rutubah*; *balgham* dan *rutubah*; muntah; *bahtu al-Sawti* ertinya *parau suara*; *al-Su'al al-Rahīb* ertinya batuk yang basah; *al-Qaulanj*, iaitu penyakit angin kering; *ghashyan*, iaitu tiada rindu kepada makanan dan *bawasir* (buasir).

Tanda-tanda penyakit adalah berbeza antara satu sama lain dan dengan berdasarkan tanda-tanda ini, tumbuhan herba halia

adalah ramuan yang sesuai untuk diberikan kepada pesakit. Halia juga berperanan dalam menyeimbangkan unsur, *mizaj*, *akhlāt* dan memberikan kesan yang baik dalam tubuh badan seseorang. Dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat terdahulu dapat membuktikan bahawa tumbuhan herba, iaitu halia sebagai bahan asas dalam perubatan, mempunyai manfaat dan khasiat serta memberi nutrisi dalam rawatan, pencegahan dan penyembuhan pelbagai penyakit. Berdasarkan kearifan dan intelektual masyarakat Melayu terdahulu, mereka telah menemui khasiat dan kemujaraban halia yang dipercayai dapat menyembuhkan penyakit.


#### *Glosari Leksikal Tumbuhan Halia*

Dapatan kajian daripada sumber kedua adalah binaan glosari bagi memberi fahaman tentang bahasa, panggilan, istilah dan dialek bagi penutur masyarakat berbilang bangsa. Sehubungan itu, dapatan membentuk glosari linguistik ini membuktikan bahasa adalah keperluan untuk komunikasi setiap orang khususnya, menggambarkan suatu lambang bahasa, menunjukkan identiti sesuatu tempat, penamaan tumbuhan menunjukkan perbezaan spesies dan bahasa dalam jalinan

hubungan antara suatu kaum atau masyarakat setempat. Dengan penyediaan glosari ini dapat menunjukkan bahawa masyarakat tradisi menggunakan perkataan tumbuhan herba yang digunakan dalam

kehidupan harian dari semasa ke semasa terus diwarisi oleh generasi hadapan. Jadual 2 menunjukkan glosari leksikal tumbuhan halia.

Jadual 2. Glosari leksikal tumbuhan halia

| Nama Tumbuhan Dalam Kitab menerusi dimensi REFERENT                               | Nama Tempatan       | Daerah asal tumbuhan | Famili         | Nama Sainifik       | Rujukan                            |
|---|---------------------|----------------------|----------------|---------------------|------------------------------------|
|  | ms 58 halia         | halia                | ms 230-        |                     | Mohd Affendi dan Hermansyah (2017) |
|   | ms 88- Zanjabil     | ms 58 زنجبيل         | Zingiber spp   |                     |                                    |
|   |                     | jahe ms 58           | Arab Indonesia |                     |                                    |
|   | sunti halia ms 151  |                      |                |                     |                                    |
|   | halia Kering ms 149 |                      |                |                     |                                    |
|   | halia ms 59         | Melayu               |                | Zingiber officinale | Mohd Hilmi (2021)                  |
|   | Common ginger       | Inggeris             |                |                     |                                    |
|   | halia ms 34         |                      | Zingiberaceae  | Zingiber officinale | Thomas (1992)                      |
|   | Rosc. Ginger        | Latin Inggeris       |                |                     |                                    |
|   | halia               | Indonesia            |                |                     |                                    |
|   | Jae                 | Jawa                 |                |                     |                                    |
|   | Jahe                | Sunda                |                |                     |                                    |
|   | Jhai                | Madura               |                |                     |                                    |
|   | Jae, Jahya          | Bali                 |                |                     |                                    |
|   | Sipodeh             | Minang               |                |                     |                                    |
|   | Melito              | Gorontalo            |                |                     |                                    |
|   | Lia                 | Flores               |                |                     |                                    |
|   | Goraka              | Ternate              |                |                     |                                    |
|   | Late                | Timor                |                |                     |                                    |

Kajian ini memberikan tumpuan dari aspek pengetahuan tempatan sekali gus memberikan gambaran kearifan tempatan yang dibentuk melalui budaya, pengalaman, pengetahuan dan amalan masyarakat terdahulu dalam memenuhi keperluan mengubati penyakit menggunakan tumbuhan herba, iaitu halia. Justeru, tumpuan kajian ini berdasarkan tumbuhan herba halia dan aspek tumpuan, iaitu (i) Nama Tumbuhan dalam Kitab

Menerusi Dimensi REFERENT, (ii) Nama Tempatan, (iii) Daerah asal tumbuhan, (vi) Famili, (v) Nama Sainifik dan (vi) Rujukan. Hasil daripada analisis kedua kitab tib seperti dalam Jadual 2. Pembangunan glosari berteraskan leksikal tumbuhan herba halia terdiri daripada terminologi istilah kamus termasuklah nama tempatan dalam kitab, nama tempatan daerah asal, famili, nama saintifik. Pembangunan glosari ini dilakukan

berdasarkan langkah-langkah seperti mencari padanan bagi nama tumbuhan di dalam buku-buku ilmiah yang dapat memberi ketepatan kepada penamaan tumbuhan herba.

Dalam konteks kajian ini, istilah herba merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang mempunyai nilai dari segi khasiat yang berpotensi sebagai bahan dijadikan ubat bagi merawat dan menyembuhkan penyakit. Namun begitu, bukan semua tumbuhan dijadikan penawar penyakit, Ong (2008) menyatakan bahawa terdapat tumbuhan karnivor, tumbuhan yang boleh dimakan dan tumbuhan yang dimakan oleh binatang dan tumbuhan beracun. Perkara lain yang menarik tentang tumbuhan herba ialah tumbuhan lebih cenderung sebagai organisma yang mempunyai komponen seperti akar, batang, dahan, pucuk, bunga, buah, biji dan daun. Menerusi konsep herba dalam kajian ini terdiri daripada tumbuhan yang boleh dimakan dan digunakan untuk merawat penyakit. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) halia didefinisikan sebagai tumbuhan rizom yang mempunyai umbinya pedas atau tumbuhan herba yang nama lainnya dikenali juga sebagai 'jahe'. Manakala, merujuk Kamus Dewan Perdana (2020) halia adalah tumbuhan berbatang lembut, berdaun panjang, ditanam untuk menghasilkan rizom yang boleh dijadikan rempah. Halia juga dikenali sebagai sunti halia dan *Zingiber officinale*.

Menurut Asrul Azuan et al. (2014) peristilahan merupakan satu konsep ilmu, konsep makna dan takrifnya tentang kata dan lambang linguistik. Prosedur pembentukan istilah telah memperlihatkan kemunculan istilah baharu, menyimpan dan menyebarkan istilah serta melancarkan komunikasi dalam bidang yang khusus. Justeru, perkataan tumbuhan herba ini merupakan kata nama bagi sesuatu istilah yang mempunyai kepentingan berdasarkan latar belakang yang berbeza yang merujuk

kepada istilah sesuatu tempat atau ciri-ciri geografinya. Kebiasaannya, nama khas bagi tumbuh-tumbuhan berbeza mengikut dialek dan tempat. Sebagai contoh, halia dalam bahasa Indonesia ialah *Jahe*, manakala istilah dalam bahasa Arab ialah *Zanjabil* dan perkataan *Ginger* dari bahasa Inggeris.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (1995) dialek adalah variasi atau ragam bahasa. Setiap bahasa mempunyai ragam bahasa dan mempunyai subdialek atau subvariasi bahasa yang berdasarkan faktor-faktor politik dan geografi. Ini kerana bahasa itu merupakan satu sistem yang hidup. Setiap yang hidup akan mengalami satu proses perubahan kehidupan bagi membangunkan sebuah masyarakat penutur. Selanjutnya, panggilan, dialek atau istilah tumbuhan bergantung pada daerah penempatan masyarakat. Ini kerana panggilan tumbuhan ini menjadi satu identiti budaya pada masyarakat tempatan. Menurut pendapat Muhamad dan Mustafa Ali (1994) sesuatu objek atau fenomena dinamakan berdasarkan pengalaman seseorang yang berpengalaman. Ini kerana manusia sentiasa dipengaruhi pelbagai faktor seperti masa, budaya, bahasa dan hubungan antara objek dan persekitaran sekeliling.

#### *Leksikal Halia dalam Paparan KWIC*

Dapatan kajian daripada analisis korpus dalam paparan KWIC (Key Word in Context) menunjukkan senarai carian perkataan dalam korpus untuk membentuk konkordans seperangkat ayat seperti dalam Rajah 2. KWIC dikategorikan kepada tiga kata fokus, iaitu pencarian perkataan halia, leksis struktur ayat dan kekerapan perkataan halia yang hadir secara berkolokasi. Penelitian analisis ini mengaplikasikan janaan *LancsBox* 6.0 bagi mengenal pasti kandungan teks. Rajah 2 menunjukkan paparan KWIC leksikal halia.

| Index | File          | Left  | Index | Right  |
|-------|---------------|---|-------|--|
| 1     | Kitab Perubat | memboang akan dia, seperti air madu dan               | halia | dan lada dan sap-bap makanan yang hangat                   |
| 2     | Kitab Perubat | satu nil air madu itu, satu ditahan                   | halia | dan satu ditahan lada pada hal keduanya                    |
| 3     | Kitab Perubat | ditanak dengan bawang putih dan lada dan              | halia | dan segala rempah-rempah awach-awach yang pedas-pedas, dan |
| 4     | Kitab Perubat | jadi berbangkit manfaat ma'a fulul. Zanqabil y'hi     | halia | Dan adalah tabrahnya hangat kering pedas yang              |
| 5     | Kitab Perubat | si rashed dan jro hitam dan lada dan                  | halia | dan kedelai eswad, adalah semuanya bersamaan sebahai       |
| 6     | Kitab Perubat | diambil lepong lada satu sukut, dan lepong            | halia | satu sukut jua, sukut putih dua sukutnya,                  |
| 7     | Kitab Perubat | rusuki dan bunga lawang dan lada dan                  | halia | dan summaq y'hi pada hal semuanya sama-sama                |
| 8     | Kitab Perubat | zoka-cuba dan buah delima yang masam-masam, dan       | halia | dan barang sebagainya dan lagi diuji segala                |
| 9     | Kitab Perubat | al riyah atinya buah baru paku. Semua usatnya dimakan | halia | dengan air madu dan dimakan marikan. Dan                   |
| 10    | Kitab Perubat | dan halia yang sudah seleh jua. Dan                   | halia | kering dan lada kering dan sap-bap suatu                   |
| 11    | Kitab Perubat | sukat, dan lada satu sukut, dan suat                  | halia | satu sukut, maka dipap lamat-lamat kerikanya, maka         |
| 12    | Kitab Perubat | ralu diambil rusuki dan bunga lawang dan              | halia | dan jua-putih dan summaq dan garam                         |
| 13    | Kitab Perubat | deham berat lada, dan satu ditahan berat              | halia | dan hendaklah semuanya diuji akan lepong. Kemudian         |
| 14    | Kitab Perubat | apabila dipap bawang putih dan lada dan               | halia | maka ditamer dengan air madu. Kemudian maka                |

Rajah 2. Paparan KWIC Leksikal Halia

Hasil dapatan menunjukkan bahawa berdasarkan Rajah 2, analisis ini mengaplikasikan *LanCSBox* 6.0 bagi pencarian perkataan halia. Data penyelidikan mengumpulkan pencarian perkataan halia melalui paparan KWIC sebagai kata kunci memperlihatkan kehadiran perkataan halia yang menyumbang kepada bentuk variasi leksis. Pembentukan variasi leksis ini ditunjukkan melalui isihan leksis struktur ayat kiri dan kanan. Data yang dihasilkan ini menunjukkan kata kunci halia mengikut konteks kiri dan kanan yang hadir bersama dalam satu struktur ayat. Leksis merupakan komponen unit dalam bahasa yang melibatkan pembentukan struktur ayat. Dalam kajian ini, data penyelidikan dikumpul daripada kitab perubatan Melayu *Al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah* memfokuskan dari sudut linguistik, leksis struktur ayat kanan dan kiri merupakan perbendaharaan kata dalam bahasa yang ada bersama dengan perkataan halia. Dalam pengertian leksikal dari pandangan Croxon (2003) konteks makna merupakan “*a set of words made up of sacred syllables and sounds used for developing the mind and transcending consciousness*”.

Penyelidik menyenaraikan data korpus untuk menunjukkan kekerapan perkataan halia adalah sebanyak 14 kali yang wujud secara bersama-sama dengan leksikal

bahasa Melayu untuk membentuk konkordans seperangkat ayat. Selanjutnya, penyelidikan juga menggunakan kaedah analisis dengan mengaplikasikan melalui penjaanaan *LanCSBox* 6.0 bagi mengenal pasti kekerapan perkataan halia dan leksis ayat kiri dan kanan yang dalam kitab perubatan terpilih. Data ini menghasilkan maklumat konteks makna perkataan halia yang pembentukan leksis dalam struktur ayat tersebut. Menurut Rita Nursuhaila (2018) kekerapan penggunaan herba dalam rawatan akan mengklasifikasikan sama ada tumbuhan herba itu sebagai bahan aktif atau bahan sokongan.

Pendeskrripsian halia menunjukkan bahawa tumbuhan halia yang digunakan secara efektif diakui oleh masyarakat setempat akan keberkesanan, kemujaraban dan khasiatnya, iaitu tumbuhan herba merupakan bahan aktif yang digunakan sebagai bahan ramuan dalam merawat, mencegah, membasmi dan menyembuhkan penyakit. Hal ini juga telah disokong melalui Rajah 2, yang menunjukkan konteks leksis dalam struktur ayat antara penyakit yang dirawat menggunakan halia oleh masyarakat Melayu pada zaman lampau serta penemuan saintifik oleh para saintis pada masa kini (Lu et al., 2011; Rita et al., 2018). Kaedah analisis bagi kekerapan penggunaan halia dalam korpus

data yang dikaji iaitu kitab perubatan Melayu *Al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah* seterusnya berupaya menonjolkan kearifan masyarakat Melayu terdahulu yang diwarisi secara kontekstual.

Sehubungan itu, ilmu perubatan tradisional yang diwarisi oleh ilmuwan terdahulu berkaitan dengan ilmu perubatan tradisional yang menggunakan ramuan tumbuhan herba halia ini wajar dijaga, diwarisi, dipelihara dan dipulihara, kerana bukan sahaja mempunyai nilai-nilai tinggi sebagai perubatan alternatif dan komprehensif dalam merawat dan menjaga kesihatan malah ia juga mempunyai nilai komersial bagi meningkatkan taraf ekonomi negara. Kepintaran fikiran dan ketajaman penglihatan pancaindera mereka sama ada secara langsung atau tidak telah memperkayakan kepustakaan ilmu dalam perubatan tradisional Melayu. Kecekapan orang terdahulu dalam mengenal pasti rupa bentuk, warna, bau dan manfaat sesuatu spesies tumbuhan telah menobatkan mereka sebagai “perawat” yang menjadi rujukan kepada masyarakat setempat.

## Kesimpulan

Daripada dapatan yang ditemukan menerusi kajian ini, menunjukkan khasiat tumbuhan halia bukanlah perkara yang asing dan telah digunakan sejak zaman dahulu lagi sebagai ubat sejak berkurun lamanya sekali gus menunjukkan kearifan tempatan masyarakat terdahulu. Nutrisi dan kompaun bioaktif yang terkandung dalam tumbuhan halia sebagai bahan versatil dari alam semula jadi banyak memberi manfaat kepada badan dan otak manusia. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa tumbuhan halia menjadi kebiasaan bagi pengguna dalam masakan masyarakat Asia sebagai sejenis rempah yang bersifat rimbun yang berasal dari akar (rizom akar bertunas) yang terbukti sangat efektif dalam perubatan. Tumbuhan halia ini memiliki rasa pedas

yang dapat memberikan manfaat dalam kesihatan dan mempunyai pelbagai khasiat yang telah dibuktikan dalam kajian saintifik. Malah, pengambilan tumbuhan halia dalam penyelidikan ini dapat membuktikan penemuan baharu dalam memperagakan pelbagai bentuk potensi dalam pengambilan tumbuhan halia dalam diet seharian yang dapat memperbaiki tahap mutu kesihatan seseorang. Penyelidikan terhadap tumbuhan halia perlu dilakukan bukan sahaja menunjukkan manfaat tumbuhan halia yang mempunyai kesan yang hampir sama dengan ubat preskripsi daripada perubatan moden yang secara tidak langsung turut mencerminkan kearifan lokal masyarakat terdahulu, tetapi juga penghasilan produk farmaseutikal dapat membantu menaikkan ekonomi Malaysia.

## Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan yang bertajuk *E-Glosari Nadir Terminologi Perubatan Tradisional Melayu sebagai Rawatan Alternatif Menerusi Pembangunan Dataset Perubatan Tradisional Berdasarkan Kerangka Etnosemantik-Perubatan* di bawah dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/WAB10/UPSI/02/2).

## Rujukan

Asrul Azuan M.D., Hajah Nor Azuwan, Y., & Jama'yah, Z. (2014). Gerak kerja '5P' pembentukan istilah bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 01: 77–86 (*In Malay*).

Burkill, I. H. (1966). A dictionary of the economics products of the Malay Peninsular. Kuala Lumpur: Governments of Malaysia and Singapore by the Ministry of Agriculture and Cooperatives.

Chooi, O.H. (2008). Rempah-ratus: Khasiat makanan & ubatan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd (*In Malay*).

Croxon, P.B. (2003). The piatkus dictionary of mind, body and spirit. United Kingdom: Piatkus Books.

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. (1995). Dialek memperkaya bahasa. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (*In Malay*).

Faszly R., Wan Nasyrudin, W.A., & Aminah, A. (2015). Indahnya pemakanan & perubatan Islam: Keajaiban penyembuhan dengan farmakologi alam. Kuala Lumpur: Telagu Biru Sdn. Bhd (*In Malay*).

Holttum, R.E. (1950). The zingiberaceae of the Malay Peninsula. Singapore: The Gardens' Bulletin, Govt. Print. Office. 13(4): 1-249.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (*In Malay*).

Kamus Dewan Perdana. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (*In Malay*).

Larsen, K., Ibrahim, H., Khaw, S.H., Saw, L.G & Wong. K. M. (1999). Gingers of peninsular Malaysia and Singapore. Borneo: Natural History Publications.

Lu, T., Liao, J., Huang, T., Lin, Y., Liu, C., Chiu, Y., & Peng, W. (2011). Analgesic and anti-inflammatory activities of the

methanol extract from pogostemon cablin. <https://doi.org/10.1093/ecam/nep183>

Habsah, M., Amran, M., Mackeen, M.M., Lajis, N.H., Kikuzaki, H., Nakatani, N., Rahman, A. G., & Ali, A.M. (2000). Screening of zingiberaceae extracts for antimicrobial and antioxidant activities. *Journal of Ethnopharmacology*, 72(3): 403–410. [https://doi.org/10.1016/S0378-8741\(00\)00223-3](https://doi.org/10.1016/S0378-8741(00)00223-3)

Mardiah Mawar, K., Arie Azharie, N., & Husnan Lubis, M. (2020). Cerita rakyat Melayu Sumatra Utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1): 1–12 (*In Malay*).

Mardiah Mawar., K., & Arie Azharie, N. (2018). Dari tragedi berbuah kearifan dan moralitas masyarakat Melayu dalam legenda nama tempat di Sumatera Utara. *Tulisan Jawi: Jambatan Masa Ke Masa Silam Dan Usaha Pelestariannya*, 6(1): 74–117 (*In Malay*).

Mohd Affendi, M.S., & Hermansyah Muhammand, Y. (2017). *Kitab perubatan Melayu al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah*. Kajang: Akademi Jawi Malaysia (*In Malay*).

Mohd Affendi, M.S., & Hermansyah Muhammand, Y. (2022). *Kebun segala Raja-Raja: Bab VII Bustān al-Salāṭīn Nūr al-Dīn al-Rānīrī*. Kajang: Akademi Jawi Malaysia (*In Malay*).

Mohd Hilmi Abdullah. (2014). *Khasiat tumbuh-tumbuhan perubatan menurut Ibnu Sina, Jilid 1*. Kuala Kubu Baharu: Pustaka HILMI (*In Malay*).

Mohd Hilmi, A. (2021). *Ensiklopedia sayur-sayuran, buah-buahan, rempah-ratus & bijirin: Arab-Melayu-Inggeris-Nama Saintifik*. Kuala Kubu Baharu: Pustaka



HILMI (*In Malay*).

Muhamad, A.H. (2023). Langkah Konservasi Tanaman Herba. Petaling Jaya: Impiana Publications & Distributors Sdn Bhd (*In Malay*).

Muhamad Zakaria & Mustafa Ali Mohd. (1994). Tradisional Malay medicinal plants. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd (*In Malay*).

Muhammad Fawwaz, M.Y. (2023). Pengkelasan Kamus Biografi Sebagai Naratif Alternatif Pengajian Ḥadīth Kurun Ketiga dan Keempat Hijrah: Satu Kerangka Abstrak Sejarah. *Global Journal Al Thaqafah*, 13(1): 120–134. <https://doi.org/10.7187/gjat072023-8> (*In Malay*).

Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M.S., Zulazhan, Ab. H., & Nurazan, M.R. (2023). Penterjemahan Eufemisme Al-Qur'an ke Bahasa Melayu: Masalah dan Penyelesaian. *Global Journal Al Thaqafah*, 13(1): 152–170. <https://doi.org/10.7187/gjat072023-10> (*In Malay*).

Muhd Norizam, J., & Zubir, I. (2019). Kebijaksanaan Adab dalam Hikayat Melayu Tradisional. 89: 81–91 (*In Malay*).

Naseer, S. (2012). Risalah Ilmu Perubatan. Pulau Pinang: Baytul Hikma (*In Malay*).

Naseer Sobree. (2020). Bustanus Salatin. Pulau Pinang: Baytul Hikma.

Norhasnira, I. (2022). Shaykh Abbas Kuta Karang's contribution in Malay medical manuscript writing. 135–146.

Nornizam, N. (2019). Perubatan Melayu berdasarkan manuskrip Kitab Tibb Melayu. Pulau Pinang: Baytul Hikma (*In Malay*).

Rahimah M.Ag., Mahmud Khudri, M.Hum & Fauziah M.A. (2020). Analisis Teks 'Sabilul Akhyar'. *Persuratan Melayu*, 8(2): 40–48 (*In Malay*).

Rayyan, D. (2014). Tumbuhan perubatan masyarakat Melayu. Kuala Lumpur: E1 Publication Sdn.Bhd (*In Malay*).

Rita Nursuhaila, R., Nurulwahidah, F., Ros Mahwati, A.Z., Khalijah, A., Muhammad Widus, S., & Haslinda, M.S. (2018). Halia (*Zingiber Officinale Roscoe*) menurut perspektif agama Islam dan sains: Analisa terhadap manuskrip Melayu terpilih. *Jatma*-2018-0603-04, 6(3): 43–54 (*In Malay*).

Siti Fatimah, A. A., & Yusmilayati, Y. (2019). Khasiat herba dalam Kitab Tib Melayu. *Akademika (Isu Khas)*, 89: 151–162. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-13> (*In Malay*).

Shah Rul, A.N. (2022). Perbandingan pemikiran ketatanegaraan di dalam Kitab Salatin: Differentiating state administrative thinking in the book of Salatin. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2): 119–134.

Suri, R. (2019). Sihat secara alami ubat dari dapur. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd (*In Malay*).

Theilade. I. (1996). Revision of the genus zingiber in Peninsular Malaysia. Singapore: The Gardens' bulletin, Govt. Print. Office. 48(4): 207-236. <http://creativecommons.org/licenses/by-nc-sa/3.0/>

Thomas, A. N. S. (1992). Tanaman obat tradisional, Volume 2. Yogyakarta: Kanisius Publishing House (*In Malay*).

Valeton, Th. (1926). New notes on the zingiberaceae of Java and Malaya. *The Classical Review*, 40(1): 8–12. <https://doi.org/10.1017/S0009840X000273>

0X

Werner, R. (2002). Medicines in Malay

villages. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.